



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**11 Februari 2021**  
**3 Rejab 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• JAS siasat ribuan ikan mati terapung selepas air pasang
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Ribuan ikan mati terdampar di Sungai Perai
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	16	11/2/2021

BH MTS 16 11/2/2021



Sharifah Zakiah Syed Sahab

## JAS siasat ribuan ikan mati terapung selepas air pasang

**Prai:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang memulakan siasatan mengenai ribuan ikan mati terapung selepas air pasang di Sungai Perai, di sini, kelmarin.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata pihaknya mengambil sampel air dan ikan mati untuk diuji.

Beliau bagaimanapun menyatakan akan segera menyelesaikan siasatan penemuan terbabit kerana JAS dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang baru memulakan siasatan selepas menerima maklumat mengenai perkara itu, kelmarin.

"Kami belum tahu sama ada air terbabit tercemar atau tidak. Masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan. Ia berkemungkinan disebabkan fenomena semula jadi.

"Kami memerlukan maklumat daripada Jabatan Penyelidikan Negeri mengenai perkara ini," katanya kepada *New Straits Times (NST)*.

Pemeriksaan *NST* di Sungai Perai petang kelmarin mendapati beberapa pegawai JAS mengambil sampel berhampiran tempat ikan terbabit mati.

Sampel diambil di empat lokasi, dengan dua sampel diambil dari setiap lokasi.

Ini adalah kali kedua sampel diambil selepas kelmarin.

*NST* kelmarin melaporkan bahawa ribuan ikan mati dilihat terapung di Sungai Perai di sini selepas air pasang.

Penduduk berdekatan, Taman Kimsar melihat kejadian itu kira-kira jam 2.30 petang, sebelum melaporkannya kepada Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), David Marshel.

David yang pergi ke lokasi kejadian petang kelmarin bersama Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr P Ramasamy, menyatakan bahawa bau dari ikan mati terbabit sangat busuk.

Beliau menasihati nelayan dan pemancing berdekatan agar tidak mengumpulkan ikan mati terbabit untuk dimakan atau dijual.

Beliau juga mengatakan bahawa adalah lebih baik jika mereka berhenti memancing di Sungai Perai buat masa ini.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		24	11/2/2021	

## Ribuan ikan mati terdampar di Sungai Perai

SH M/S 24 11/2/2021



David (dua dari kanan) dan Ramasamy (kiri) ketika meninjau keadaan di Sungai Perai pada Selasa.



Penemuan ikan mati di Sungai Perai sejak petang Selasa.

**BUTTERWORTH** - Ribuan ikan mati di Sungai Perai di sini disyaki berpunca daripada pelepasan air tidak terawat daripada sebuah kilang berhampiran pada Selasa.

Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), David Marshal berkata, pihaknya menerima laporan daripada penduduk di Taman Kimsar di sini selepas melihat ribuan ikan timbul.

Menurutnya, sebaik menerima laporan itu, beliau bersama Timbalan Ketua Menteri II, P Ramasamy serta beberapa ahli majlis lain ke lokasi terbabit bagi melihat sendiri apa yang berlaku.

“Saya hubungi Jabatan Krisis MBSP supaya mengambil sampel air dan bangkai ikan untuk dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar.

“Perkara ini turut dipanjangkan kepada Exco Alam Sekitar Pulau Pinang, Phee Boon Poh untuk tindakan lanjut kerana ia mengancam hidupan sungai dan berbahaya kepada orang ramai,” katanya pada Rabu.

David berkata, setakat ini pihaknya menerima maklumat awal berkenaan insiden pelepasan air tanpa dirawat ke dalam Sungai Perai oleh sebuah kilang di tepi sungai terbabit.

Katanya, satu laporan polis juga sudah dibuat terhadap kilang tersebut untuk siasatan lanjut dan tindakan sewajarnya.

“Kejadian sebegini perlu dihentikan demi alam sekitar dan orang ramai. Saya harap Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab dengan perbuatan ini,” katanya.

Dalam pada itu, David meminta pemancing atau nelayan tidak menangkap ikan di sungai terbabit kerana dikhuatiri akan menyebabkan masalah lain sekiranya makan ikan yang telah tercemar.